

# Saham tak diberi pada syarikat kecil dan individu bumiputera

U.M., 13 NOV 1992

KUALA LANGAT 12 Nov. — Kerajaan tidak akan memberikan saham kepada syarikat-syarikat kecil dan individu bumiputera bagi memastikan pemilikan 30 peratus ekonomi negara oleh bumiputera tercapai.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan terpaksa berte-gas dalam soal ini bagi meng-elakkan saham-saham yang diberikan kepada mereka pa-da harga yang murah dijual kepada bukan bumiputera.

"Berdasarkan kepada mak-lumat, hampir semua saham yang telah kita berikan kepada syarikat-syarikat dan individu bumiputera telah dijual.

"Jika kita biarkan keadaan seperti ini berlaku, sampai tahun 2000 pun kita tidak akan dapat mencapai matlamat 30 peratus pemilikan bumiputera dalam eonomi negara," kata-nya.

Beliau menyatakan demiki-an kepada para pemberita selepas merasmikan Kom-pleks Perindustrian dan Pen-gilangan Kertas Langat milik Genting Sanyen Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan demikinn ketika diminta mengulas kenyataannya se-masa menggulung perbaha-san pada Perhimpunan Agung UMNO Ahad lalu di mana be-liau menegaskan bahawa pe-milikan saham bumiputera dalam syarikat-syarikat yang telah disusun semula semakin berkurang kerana mereka menjual saham tersebut.

Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) menetapkan seti-ap syarikat yang hendak di-besarkan perlu disusun semu-la dan memperuntukkan 30

peratus saham kepada syari-kat bumiputera.

Menurut Dr. Mahathir, apa yang dikesali, mereka yang diberikan saham pada harga yang murah, menjual semula saham itu kepada bukan bu-miputera kerana mahu un-tung cepat.

Malah menurut beliau, setelah mereka menjual saham mereka, mereka mahu lagi 30 peratus saham syarikat diberi-kan kepada mereka.

"Ini tidak menyelesaikan

masalah, jika kita beri 30 peratus lagi, mereka tetap akan menjualnya," ujarnya.

Oleh itu kata beliau, keraja-an lebih berminat untuk mem-berikan saham-saham tersebut kepada badan-badan yang di-tubuhkan oleh kerajaan untuk kepentingan bumiputera.

Badan-badan ini seperti Permodalan Nasional Berhad katanya, tidak akan menjual saham-saham yang diberikan kepada bukan bumiputera.

Sementara itu ketika dimin-

ta mengulas mengenai dakwa-an Filipina bahawa Amerika Syarikat akan membantu ne-gara itu jika Kepulauan Spratly diserang, Dr. Mahathir berkata, bagi Malaysia isu itu boleh diselesai melalui perun-dingan.

Bagaimanapun katanya, de-ngan campurtangan Amerika Syarikat, itu bukan soalrun-dingan lagi.

"Tetapi saya tidak tahu sama ada kenyataan tersebut benar atau tidak," katanya.